



## **KENYATAAN RASMI**

### **TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)**

#### **PENGUMUMAN AKADEMIK MENGENAI KEMASUKAN PELAJAR, MINGGU SUAI MESRA (MSM) DAN PELAKSANAAN PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH BAGI SEMESTER 1 SESI 2021/2022**

##### **A. KEMASUKAN PELAJAR**

1. Susulan pengumuman oleh Menteri Pengajian Tinggi, YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, pada 14 September 2021 mengenai kemasukan pelajar ke kampus institusi pengajian tinggi (IPT) secara berperingkat bermula 15 Oktober 2021, sukacita Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyambut baik pengumuman tersebut atas keprihatinan terhadap kebijakan dan keselamatan pelajar serta keberkesanan perlaksanaan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).
2. UMS memandang serius keperluan PdP secara normal dan berusaha sebaik mungkin untuk menyediakan ruang dan kapasiti pelaksanaannya. Namun demikian, UMS dan warganya adalah tertakluk kepada peraturan bagi mengekang penularan COVID-19, termasuk prosedur operasi standard (SOP) keselamatan dan kesihatan yang sedang dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa samada Persekutuan atau Kerajaan Negeri Sabah.
3. Sehubungan itu, UMS perlu merancang dan menetapkan proses kemasukan pelajar ke kampus dengan mengambil kira semua SOP, peraturan, kapasiti UMS dan pelajar serta faktor keselamatan dan kesihatan.
4. Berdasarkan input daripada fakulti/akademi/pusat/institut (FAPI), UMS telah membuat ketetapan berikut:
  - i. Bagi pelajar senior yang berkeperluan untuk kembali ke kampus, UMS telah mengenal pasti tempoh (dari minggu pertama Semester 1 Sesi 2021/2022 hingga minggu peperiksaan) di mana para pelajar senior terlibat perlu berada di kampus. Oleh itu, pelajar dinasihati agar merancang perjalanan balik ke kampus dengan mematuhi perancangan dan ketetapan yang telah dibuat bagi mengelakkan kesesakan dalam perjalanan, pendaftaran dan kemasukan ke kampus UMS.

- ii. UMS telah mengenal pasti kursus, program pengajian dan individu pelajar yang berkeperluan untuk kembali kampus secara berperingkat mulai 15 Oktober 2021. Keutamaan diberikan kepada pelajar senior (Tahun 2 hingga 5) yang PdP mereka dilaksanakan secara bersemuka sepenuhnya (F2F) ataupun secara hibrid (campuran F2F dan secara atas talian).
  - iii. UMS telah mengenal pasti individu pelajar yang berkeperluan khas untuk diberikan keutamaan kembali ke kampus seperti menghadapi isu capaian (*accessibility*) internet, isu keterbatasan peranti (*devices*) dan isu ketidak mampuan membeli kapasiti data yang diperlukan yang boleh menjelaskan pembelajaran mereka secara atas talian.
- 5. Pelajar senior yang dinyatakan dalam Perkara 4(i) di atas perlu berhubung dengan FAPI masing-masing untuk memastikan samada kursus yang mereka ambil pada Semester 1 Sesi 2021/2022 akan dilaksanakan secara PdP bersemuka (F2F), secara hibrid atau secara atas talian sepenuhnya (FOL). Bagi pelajar yang kesemua kursus mereka dilaksanakan secara FOL dan tidak tergolong di dalam kategori pelajar berkeperluan khas adalah tidak digalakkan untuk kembali ke kampus. Sebaliknya, mereka digalakkan meneruskan PdP FOL dari kediaman masing-masing.
- 6. Para pelajar yang dikategorikan sebagai berkeperluan khas seperti pada Perkara 4(iii) di atas samada pelajar baharu (Tahun 1) ataupun pelajar senior juga diberi keutamaan untuk kembali ke kampus. Pelajar dinasihati menghubungi FAPI masing-masing untuk tujuan pengurusan dan perkhidmatan kediaman pelajar.
- 7. Pelajar UMS yang diberikan kebenaran untuk kembali ke kampus akan diberikan surat pengesahan oleh UMS. Surat pengesahan itu boleh digunakan sebagai dokumen bukti apabila pelajar memohon kebenaran melakukan perjalanan rentas daerah atau negeri daripada pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM).

## **B. PERLAKSANAAN MINGGU SUAI MESRA (MSM) UMS BAGI SEMESTER 1 SESI 2021/2022**

- 8. Pendaftaran Universiti secara atas talian (E-DAFTAR) bagi pelajar prasiswazah baharu kemasukan Sesi Pengajian 2021/2022 adalah pada **4 dan 5 Oktober 2021**. Minggu Suai Mesra (MSM) untuk pelajar prasiswazah UMS baharu akan diadakan sepenuhnya secara dalam talian pada **6 dan 7 Oktober 2021**.
- 9. Taklimat mengenai maklumat keperluan pergerakan kembali ke kampus, penawaran kursus dan perlaksanaan PdP bagi Semester 1 Sesi 2021/2022 akan disampaikan pada MSM 2021. Pihak FAPI akan memaklumkan pelajar baharu Tahun 1 masing-masing tentang perkara berikut:

- i. Kaedah perlaksanaan PdP setiap pelajar baharu samada secara F2F, hibrid ataupun FOL; dan
- ii. Samada pelajar baharu Tahun 1 diperlukan untuk bergerak secara fizikal memasuki kampus UMS pada bulan Oktober 2021, atau sebaliknya.

### **C. PELAKSANAAN PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)**

10. Pengurusan UMS meletakkan aspek keselamatan dan perlindungan kesihatan terhadap jangkitan COVID-19 sebagai keutamaan dalam melaksanakan PdP untuk pelajar, pensyarah dan seluruh warga UMS. Oleh itu, UMS telah mengenal pasti senarai kursus yang akan ditawarkan pada Semester 1 Sesi 2021/2022 yang perlu dilaksanakan secara F2F dan hibrid serta kursus yang boleh dilaksanakan secara FOL.
11. Bagi mengelak dan meminimakan risiko penularan COVID-19, hanya kursus yang dikenalpasti ada keperluan bersemuka sahaja akan dilaksanakan secara F2F dan hybrid, manakala kursus yang tidak mempunyai keperluan bersemuka akan dilaksanakan secara FOL.
12. Proses PdP akan dilaksanakan mengikut SOP yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Ini merangkumi semua aspek pelaksanaan aktiviti akademik secara F2F, hibrid atau FOL termasuk aktiviti kuliah/tutorial, aktiviti makmal, peperiksaan dan pentaksiran, kerja ladang, kerja lapangan (fieldwork), aktiviti berkumpulan ataupun berseorangan, dan aktiviti akademik lain yang berkaitan.
13. Pelajar diminta agar sentiasa merujuk dan mematuhi peraturan dan SOP yang ditetapkan oleh pihak UMS sepanjang berada dalam tempoh pengajian, samada di kolej kediaman, di kawasan fakulti atau kawasan lain dalam kampus.
14. Untuk panduan berkaitan proses kemasukan pelajar berkeperluan khas ke kampus UMS, para pelajar dinasihatkan merujuk kepada kenyataan rasmi oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) bertarikh 21 September 2021.
15. Pengumuman ini tertakluk kepada sebarang arahan terkini yang dikeluarkan oleh pihak-pihak berkuasa yang berkenaan sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri Sabah, termasuk oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Imigresen dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Pelajar UMS adalah dinasihatkan agar sentiasa mengikuti perkembangan dan makluman terkini oleh pihak Universiti dari semasa ke semasa.

Sekian dan terima kasih.

**TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**

Universiti Malaysia Sabah

21 September 2021